KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	KOSMO			
TARIKH	:	16.03.22	MUKA SURAT	:	12
JABATAN	:	JPSM/JKPTG			

Hadapi tiga pertuduhan menduduki tanah kerajaan

Presiden Peka didakwa

Oleh ABDUL RASHID ABDUL RAHMAN

RAUB – Presiden Pertubuhan Pelindung Khazanah Alam Malaysia (Peka) Puan Seri Shariffa Sabrina Syed Akil mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen Raub di sini atas tiga pertuduhan menduduki tanah kerajaan tanpa kebenaran yang sah.

Pengasas Rangkaian Tanah Aina Resort dan Restoran itu membuat pengakuan tersebut di hadapan Hakim Ahmad Faizadh Yahya.

Shariffa Sabrina didakwa menduduki tanah kerajaan di Lot 26148, GM4135 Mukim Bentong tanpa kebenaran yang sah iaitu kawasan Tanah Aina Fareena Cafe & Restaurant pada pukul 2 petang 11 Jun 2021.

Dia juga didakwa menduduki tanah kerajaan di Lot 1053, PM0053 Mukim Ulu Dong iaitu kawasan Tanah Aina Fahad Glamping Resort di sini pada pukul 2 petang 10 Jun 2021.

Aktivis alam sekitar itu juga didakwa menduduki tanah kerajaan di Lot 10061, GM1572 Mukim Tras iaitu kawasan yang ketika ini didiami Tanah Aina Farrah Soraya Exclusive Eco Resort.

Tertuduh didakwa mengikut Seksyen 425(1)(a) Kanun Tanah Negara 1965 iaitu menduduki atau membina apa-apa bangunan di atas mana-mana tanah kerajaan, tanah rizab atau tanah perlombongan.

Jika disabitkan kesalahan tertuduh boleh dikenakan denda yang tidak melebihi RM500,000 atau penjara lima tahun bagi setiap pertuduhan.

Pertuduhan dikendalikan Pegawai Pendakwa Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, Izzat Ikhwan, manakala tertuduh diwakili lima peguam diketuai Mohd. Arif Mohan.



SHARIFFA SABRINA (tengah) didakwa atas tiga pertuduhan duduki tanah kerajaan tanpa kebenaran sah di Mahkamah Sesyen Raub di Raub semalam.

Terdahulu Izzat meminta mahkamah mengenakan jaminan sebanyak RM10,000 untuk setiap pertuduhan bagi memastikan tertuduh hadir dalam perbicaraan seterusnya dan berdasarkan cubaan tertuduh yang didakwa cuba melengahkan kes sebelum ini.

Selain itu beliau turut meminta mahkamah agar melarang tertuduh daripada mengeluarkan kenyataan di laman sosial dan media mengenai kes itu di luar mahkamah.

Bagaimanapun peguam tertuduh memohon agar tiada wang jaminan ditetapkan dan jika ada, hendaklah pada kadar mininum berdasarkan kerjasama diberikan tertuduh serta sumbangan tertuduh dalam eko pelancongan negeri dan negara yang terkenal di seluruh dunia.

Hakim kemudian menetapkan jaminan sebanyak RM9,000 dan mengarahkan tertuduh tidak mengeluarkan kenyataan mengenai kes tersebut di luar mahkamah. Tertuduh membayar wang jaminan itu.

Kes disebut semula pada 25 April ini.